

# BAHASA MELAYU DAN KOMUNIKASI DALAM DUNIA GLOBALISASI: PERSOALAN KEUPAYAAN BAHASA MELAYU, KEUTUHAN JATI DIRI BANGSA MELAYU DAN KETAKATAN BUDAYA MELAYU<sup>1</sup>

*Teo Kok Seong*

## Abstrak

Kertas kerja ini cuba meneliti keupayaan bahasa Melayu untuk mengendalikan komunikasi, lebih-lebih lagi yang moden sifatnya, dalam dunia globalisasi. Keupayaan bahasa Melayu, diteliti dari segi pembangunan bahasa Melayu, dalam kapasitinya selaku bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, termasuklah sebagai bahasa pengantar ilmu, semenjak Malaysia menjadi sebuah negara berdaulat mulai 31 Ogos 1957.

Kertas kerja ini juga cuba meneliti bahasa Melayu sebagai nadi kepada ketakatan serta jati diri bangsa Melayu, dalam konteks kemusnahan/kehilangan bahasa Melayu, khususnya dalam konteks sebagai bahasa ibunda atau etnik bangsa atau masyarakat Melayu, akibat berlakunya peralihan bahasa, dari bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris, mulai 2003, untuk pendidikan sains dan teknologi.

Pertalian bahasa Melayu-budaya Melayu selaku simbol dan kekuatan kepada identiti/jati diri bangsa atau masyarakat Melayu, ikut disentuh, dalam kerangka keutuhan khazanah budaya Melayu dalam bahasa Melayu, yang boleh terhakis atau hilang, sebagai akibat buruk daripada peralihan bahasa ini.

---

1 Kertas kerja ini dibentangkan di Hotel Avillion Legacy, Melaka, pada 4 November 2008 (Sempena Bulan Bahasa & Sastera Negara 2008 – Peringkat Negeri: Melaka) 4 November 2008 (Sempena Bulan Bahasa & Sastera Negara 2008 – Peringkat Negeri: Melaka)

**Abstrak**

*This article attempts to examine the capabilities and dimensions of bahasa Melayu (the Malay language) to conduct and administer modern communication, in this globalization era. These abilities and resources of bahasa Melayu are to be analyzed since its inception and cultivation as Malaysia's national and official languages, and more importantly as the main sole medium of instruction in the nation's educational system, since her independence on 31st August 1957 from the British.*

*This article also seek to inquire into bahasa Melayu as the main channel o the cultural survival of the Malay ethnic group as well as the perpetuation of their identity, in the circumstances of its feared and anticipated depletion as the Malays' ethnic/ancestral language, as consequences of the shift to the English language, beginning 2003 when the authorities decided to switch it for the teaching and learning of science and technology subjects/courses in the nation's educational system.*

*The link between bahasa Melayu and budaya Melayu (Malay culture) both as symbol and force for Malay identity, will also be explored, in the unabridged richness and wealth of Malay heritage as a frame of reference, which could observe erosion and/or loss, due to the contradictory effects from the shift from bahasa Melayu to the English language, a world and international language.*

**PENDAHULUAN**

Dunia globalisasi rata-ratanya dibicarakan dari dimensi ekonomi, sebagai satu daya yang secara unggulnya, berupaya mengintegrasikan ekonomi semua negara di dunia, ke dalam satu sistem bersama/sepunya, yang sejagat coraknya. Dunia globalisasi tidak banyak dibicarakan dari dimensi kemasyarakatan dan kemanusiaan. Dari dimensi ini, dunia globalisasi adalah daya yang mampu mengubah budaya, yakni cara hidup, bangsa atau masyarakat lemah di dunia ini.

Pengubahan budaya ini, antara yang ternyata adalah peninggalan nilai-nilai peradaban yang tradisional, oleh bangsa atau masyarakat lemah untuk disilihkan, sama ada secara separa ataupun sepenuhnya, oleh nilai-nilai, unsur-unsur dan seumpamanya, dari Barat. Persilihan ini pada peringkat awalnya boleh membawa kepada proses asimilasi bangsa atau masyarakat lemah, ke dalam satu budaya bersama/sepunya, akibat pengintegrasian semua bangsa atau masyarakat dunia, ke dalam satu mujtamak global.

TEO KOK SEONG

Sehubungan dengan ini, budaya bersama atau sepunya ini sesungguhnya merupakan budaya barat atau cara hidup yang berteraskan amalan barat. Proses asimilasi ini boleh pula pada peringkat kemudiannya, membawa kepada kehilangan identiti/jati diri bangsa atau masyarakat lemah berkenaan.

### **Dampak Buruk Dunia Globalisasi**

Antara dampak dunia globalisasi yang paling dahsyat/zalim ialah kemusnahan yang berlaku pada budaya, yang ikut merangkumi bahasa di dalamnya. Sehubungan dengan ini, dunia globalisasi sering disebut juga sebagai era pengklonan budaya (atau lebih tepat lagi pengklonan budaya Barat/Inggeris Amerika oleh budaya-budaya lain). Ini bermakna banyak budaya di dunia, sama ada elemen-elemennya yang tertentu ataupun beberapa domain yang penting, berubah untuk menjadi serupa, seperti dan seragam dengan amalan Barat/Inggeris Amerika (Teo Kok Seong, 2007d:487–502).

Dampak dunia globalisasi pada bahasa secara khusus, boleh dikaitkan dengan kadar kemusnahan dan kepupusan yang lebih cepat, berbanding dengan kadar sebelum wujudnya dunia globalisasi, yang disebut-sebutkan sebagai bermula pada sekitar 1989, sesudah tamatnya Perang Dingin. Pada kelazimannya, bahasa yang mengalami kemusnahan didapati pupus antara dua hingga empat generasi, atau antara 50 hingga 100 tahun (dengan perkiraan bahawa satu generasi itu bersamaan dengan 25 tahun).

Tetapi kini dalam dunia globalisasi, kadar kepupusan ini berlaku pada tahap yang amat menakutkan. Sesuatu bahasa yang musnah itu didapati pupus dalam hanya satu sehingga dua generasi, atau antara 25 hingga 50 tahun sahaja. Kadar sepantas ini tidak pernah berlaku sebelum wujudnya dunia globalisasi (Teo Kok Seong, 2004:240–259).

### **Kemusnahan atau Kepupusan Bahasa**

Kemusnahan atau kepupusan bahasa boleh wujud dalam sekurangnya tiga bentuk (Teo Kok Seong, 2007b:100–104). Pertama ialah bentuk yang ekstrem, iaitu kematian bahasa. Bahasa boleh “mati” dengan kematian penutur natifnya yang terakhir. Pada masa kini, kematian bahasa lazimnya berlaku pada bangsa atau masyarakat primitif, yang bahasanya tidak pernah atau tidak sempat didokumentasikan oleh mana-mana pihak, untuk apa-apa jua tujuan.

Bentuk kedua ialah kehilangan bahasa, iaitu lesapnya kebolehan

berbahasa (dalam sesuatu bahasa, khususnya bahasa ibunda atau etnik dengan baik dan berkesan. Kehilangan bahasa boleh berlaku pada dua tahap: individu dan masyarakat. Apabila ia berlaku pada tahap masyarakat, yakni ahli-ahli dalam sesebuah masyarakat itu, rata-rata tidak lagi fasih menggunakan bahasa ibunda atau bahasa etnik mereka sepenuhnya, sama ada secara lisan mahupun tulisan, ini merupakan satu petanda yang amat buruk bahawa bangsa atau masyarakat berkenaan sedang mengalami kehilangan bahasa. Penggunaan bahasa Melayu “Rojak” dalam kalangan bangsa atau masyarakat Melayu yang berleluasa, adalah satu kes kehilangan bahasa (Teo Kok Seong, 2006c:697–712).

Bentuk ketiga ialah peralihan bahasa. Peralihan bahasa ialah keadaan yang memperlihatkan berlakunya peralihan penggunaan, khususnya daripada satu bahasa yang kurang berprestij kepada satu bahasa yang lebih berprestij, dalam bidang-bidang penting: pendidikan, pentadbiran, perundangan, dan penyiaran.

Pengajaran dan pembelajaran subjek-subjek sains dan matematik dalam bahasa Inggeris, pada masa kini, adalah satu kes peralihan bahasa (Teo Kok Seong, 2006c:697–712).

## **Hakikat dan Sir Bahasa**

Bahasa bukan semata-mata seberkas ayat dan/atau satu set rumus tatabahasa. Bahasa adalah jiwa kepada bangsa atau masyarakat yang menuturkannya, lebih-lebih lagi kalau bahasa itu dituturkan sebagai bahasa ibunda dan/atau bahasa etnik. Dalam konteks ini, bahasa ialah nadi kepada nyawa (yakni ketakatan dan jati diri) sesuatu bangsa atau masyarakat itu.

Dan melalui bahasalah, akan terpancar (sekadar menyebut beberapa sahaja) akal dan kebijaksanaan, sejarah dan warisan, hasrat dan aspirasi, serta perasaan dan emosi bangsa atau masyarakat berkenaan, selain pancaran atau pengungkapan segala macam kejayaan dan pencapaian bangsa atau masyarakat berkenaan, dalam pelbagai bidang: sejarah, persuratan, kesenian, dan juga sains dan teknologi.

Dengan perkataan lain, bahasa adalah antara manifestasi utama tentang kewujudan atau ketakatan sesuatu bangsa atau masyarakat. Ini antaranya bermakna pemikiran, kecerdasan, kewarasan, kecaknaan, kejujuran, keunikan, kejenakaan, dan segala macam yang lain, terkandung dalam bahasa bangsa atau masyarakat berkenaan.

Apabila bahasa bangsa atau masyarakat berkenaan musnah atau pupus, maka salah satu, malah satu-satunya tonggak utama budaya, khususnya

yang berkenaan dengan peradaban dan tamadun bangsa atau masyarakat berkenaan, ikut terhapus. Sehubungan ini, bahasa tidak boleh sekali-kali dibiarkan musnah atau pupus, dalam apa-apa jua bentuk, sama ada kehilangan bahasa ataupun peralihan bahasa, apatah lagi kematian bahasa.

Semua budaya disusupi sepenuhnya oleh bahasa ibunda atau etnik yang dituturi oleh ahli-ahlinya. Kesemua hukum-hakam, perundangan, pendidikan, adat istiadat, tatasusila, peribahasa, folor, sastera, dan segala macam yang lain, yang dimiliki/diamalkan oleh sesebuah bangsa atau masyarakat itu, wujud dalam bahasa ibunda atau etnik bangsa atau masyarakat berkenaan, dan kesemua ini hanya dapat diungkapkan sepenuhnya dengan baik lagi berkesan, yakni dalam keadaan “asli/asalnya” dengan segala “keindahannya”, hanya dalam bahasa ibunda atau etnik bangsa atau masyarakat berkenaan (Teo Kok Seong, 2006a:6–9).

Pengungkapan kesemua ini dalam bahasa lain, antaranya melalui terjemahan, tidak dapat lagi memberi rasa, sentuhan, aroma, dan realiti yang sama, seperti yang diungkapkan dalam bahasa asalnya. Ini adalah kerana bahasa sesungguhnya adalah bahagian-bahagian (misalnya kewarasan, peribahasa dan emosi) yang tidak boleh sama sekali ditukar ganti dengan sewenang-wenangnya, dengan/oleh bahasa lain, walau bagaimana tinggi/hebat martabat dan prestijnya.

Sehubungan dengan ini, kewujudan terus sesuatu bahasa itu, bererti kesinambungan identiti/jati diri bangsa atau masyarakat yang menuturkan bahasa itu, sebagai bahasa ibunda atau etnik. Kemusnahan/kehilangan sesuatu bahasa itu, yang kemudiannya diganti/diambil alih oleh satu bahasa lain, oleh sesebuah bangsa atau masyarakat, boleh memperlihatkan wujudnya perbezaan-perbezaan dalam setiap aspek kehidupan harian bangsa atau masyarakat berkenaan, iaitu akibat perbezaan-perbezaan pandangan atau nilai yang wujud sebelum dan selepas berlakunya penggantian bahasa itu.

Walaupun, bangsa atau masyarakat berkenaan kelihatan menjalani kehidupan harian seperti biasa, tetapi pada hakikatnya, etos bangsa atau masyarakat berkenaan, yakni idea, kepercayaan, aspirasi, nilai dan sebagainya yang dimiliki/diamalkan oleh bangsa atau masyarakat berkenaan, berubah buat selama-lamanya, akibat proses pengambilalihan itu.

Antaranya yang paling ketara adalah akses, yakni cara untuk menyelami, “akar” bangsa atau masyarakat berkenaan, yang antara terpenting adalah warisan), menjadi tertutup. Untuk beberapa generasi mendatang, terdapat/berlaku jurang generasi, yang memperlihatkan perbezaan pandangan atau pendapat tentang “dunia” (*world view*), yang merangkumi antaranya nilai,

akibat perubahan bahasa itu, antara generasi lama (yang diasuh/dididik dalam bahasa “lama”) dengan generasi baharu (yang diasuh/dididik dalam bahasa “baharu”).

Apabila jurang generasi ini tidak wujud lagi, yakni tertutup/berjaya ditutupi, selepas beberapa waktu, akan muncul satu etos baharu yang dibentuk oleh bahasa “baharu” itu. Dan apabila ini berlaku, jati diri asal bangsa atau masyarakat berkenaan, terhakis, dan ia digantikan oleh jati diri lain.

Justeru, sesuatu bahasa itu tidak boleh sama sekali dibiarkan musnah/pupus. Ini adalah kerana kemusnahan/kepuhupan bahasa berkenaan boleh pada akhirnya, membawa kepada kemusnahan/kepuhupan budaya bangsa atau masyarakat berkenaan.

### **Komunikasi “Moden” dalam Dunia Globalisasi**

Komunikasi, yakni pengungkapan dan pengendalian, antaranya ekonomi (khususnya *k-economy*), sains dan teknologi (termasuk teknologi maklumat dan komunikasi dan pemindahan teknologi), perdagangan, perindustrian, dan lain-lain, dalam dunia globalisasi, dianggap oleh sesetengah/banyak pihak, tidak boleh dikendalikan dengan baik lagi berkesan dalam bahasa (bahasa-bahasa) lain, kecuali dalam bahasa Inggeris (Teo Kok Seong, 2007a:173–189).

Dalam konteks ini, bahasa Inggeris menjadi penting sehingga diberi jolokan sebagai bahasa ibunda dunia globalisasi, selain merupakan bahasa dunia dan bahasa antarabangsa yang utama. Bahasa Inggeris, tidak dapat dinafikan, menjadi lebih penting, malah penting sekali, dalam kadar yang amat pantas, akibat wujudnya dunia globalisasi.

Pembangunan negara (Malaysia), khususnya pada 1990-an, yakni dalam peringkat awal dunia globalisasi, antara yang terpenting, memperlihatkan penggunaan teknologi tinggi, untuk meningkatkan daya saing negara di peringkat antarabangsa. Untuk mencapai ini, khususnya dalam bidang pengeluaran, Malaysia telah memperkenalkan Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi pada 1990, yang menggalakkan pembangunan teknologi, dan Pelan Induk Perindustrian pada 1995, yang menggalakkan pembangunan industri yang berteknologi tinggi (Rahmah Ismail, 2002:141–145).

Selain teknologi tinggi yang berkaitan dengan pengeluaran, Malaysia juga dalam dunia globalisasi, memberikan perhatian yang serius lagi istimewa, mulai 1990-an, kepada pertumbuhan dan pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology*).

Ini antara lain, adalah untuk meningkatkan kecekapan produktiviti dan daya saing Malaysia, khususnya di persada antarabangsa. Untuk melicinkan dan mempercepat pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi ini, Malaysia telah menubuhkan Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor*).

Program pendidikan negara ikut dilibatkan secara serius, dengan penggunaan komputer yang luas. Program ini yang dilancar pada 1992, selain memperkenalkan program perisian komputer untuk semua subjek, ikut mendedahkan para pelajar Malaysia kepada maklumat luar dari Malaysia, melalui perkhidmatan Internet, yang rata-ratanya menggunakan/dikendalikan dalam bahasa Inggeris.

Malaysia, tidak dapat dinafikan, ghairah sekali untuk menyertai dunia globalisasi, dengan aktif, khususnya dalam bidang-bidang teknologi tinggi serta teknologi maklumat dan komunikasi. Dalam keghairahan Malaysia meraih faedah dunia globalisasi, yang rata-ratanya menggunakan/dikendalikan dalam bahasa Inggeris, Malaysia melakukan peralihan bahasa, dalam sistem pendidikan nasionalnya. Peralihan bahasa ini, yakni daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris, secara konsistennya dikaitkan dengan penguasaan bahasa Inggeris yang lemah dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya para pelajar.

Agar tidak ketinggalan dalam dunia globalisasi, Malaysia telah mulai Januari 2003, menggunakan bahasa Inggeris untuk pengajaran dan pembelajaran sains dan teknologi (melalui dua subjek, iaitu sains dan matematik di peringkat sekolah). Dengan peralihan ini, bahasa Melayu yang selama ini, semenjak kemerdekaan pada 1957, yang merupakan bahasa wahana untuk kemajuan bangsa (Malaysia) dan negara (Malaysia), di dalam dan di luar Malaysia, tidak (boleh) dianggap sebagai aset lagi (Teo Kok Seong, 2007a:173–189).

Keupayaan dan kejayaan bahasa Melayu sebagai wahana peradaban/tamadun, khususnya yang moden, bagi bangsa dan negara Malaysia, dalam melahirkan idea, kreativiti, dan segala macam yang lain, tidak dapat dinafikan, malah sudah terbukti, dengan terdidiknya sekitar lima juta lepasan sekolah menengah atas, yakni tingkatan lima, dari 1971–2001. Bilangan sekitar lima juta inilah yang menjadi tenaga yang membangun serta memajukan negara, iaitu sebelum wujudnya dunia globalisasi.

Dalam hubungan ini, bahasa Melayu merupakan aset, yakni sesuatu yang penting dan berguna lagi bernilai, bukan sahaja untuk mengungkapkan maruah bangsa dan negara Malaysia sebagai bahasa kebangsaannya, tetapi bahasa Melayu juga mendukung fungsi utilitarian dalam peranannya

selaku bahasa rasmi, yakni ia merupakan bahasa yang paling praktikal (dari semua segi) kerana diketahui oleh sebilangan besar rakyat Malaysia (Teo Kok Seong, 2006b:20–23). Sesungguhnya, bahasa Melayu membolehkan jumlah sekitar lima juta orang ini, menimba ilmu, justeru fungsi utilitarian ini, untuk ikut membangunkan dan memajukan negara.

Dengan berlakunya peralihan bahasa pada 2003, bahasa Melayu dianggap sebagai liabiliti, yakni ia boleh menimbulkan masalah dan meletakkan Malaysia dalam risiko, antaranya Malaysia boleh menghadapi risiko ketinggalan dalam dunia globalisasi, yang rata-ratanya menggunakan/dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Dalam usaha dan kegigihan Malaysia menyertai dunia globalisasi, Malaysia bersifat proaktif dan ia bertungkus-lumus untuk menjadi peserta aktif, khususnya dalam bidang-bidang ekonomi serta teknologi maklumat dan komunikasi. Ini antaranya adalah untuk Malaysia berubah untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

Untuk mencapai matlamat di atas, Malaysia mempercayai bahawa ia harus berintegrasi dengan dunia global, yakni Barat/Inggeris Amerika, dengan memanfaatkan pelbagai peluang yang dapat dibekalkan oleh dunia globalisasi, khususnya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, yang akan terus mendorong dunia globalisasi pada masa kini dan masa mendatang, selain dalam bidang-bidang lain.

Dalam usaha pengintegrasian ini, Malaysia, dalam bidang pendidikan, telah memilih untuk menggantikan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, untuk pengajaran dan pembelajaran bidang sains dan teknologi. Ini antaranya dilakukan agar dalam konteks komunikasi dalam dunia globalisasi, Malaysia dapat “belajar daripada dunia luar” (khususnya dunia Barat/Inggeris Amerika, yang rata-ratanya menggunakan bahasa Inggeris) dan pada masa yang lain, Malaysia “tidak ketinggalan arus” dalam dunia globalisasi (yang rata-ratanya menggunakan/dikendalikan dalam bahasa Inggeris).

### **Peralihan Bahasa**

Kurang/tiadanya upaya bahasa Melayu (walaupun dibangunkan dari segi status dan korpusnya dengan jaya sekali) untuk membolehkan Malaysia “belajar sebanyak yang mungkin daripada dunia Barat”, dengan cara bijak (?) dan pantas, dan supaya Malaysia tidak “ketinggalan dalam arus dunia globalisasi”, tidak dapat dinafikan merupakan antara sebab utama berlakunya peralihan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris di Malaysia, khususnya dalam bidang pendidikan sains dan teknologi (Teo Kok Seong, 2007c:101–119).



Dengan berlakunya peralihan bahasa ini, ia ikut menyebabkan wujudnya kekeliruan linguistik dalam kalangan rakyat Malaysia, yang kini menganggap bahawa bahasa Melayu tidak penting lagi, justeru status kudusnya selaku bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, mulai tidak diendahkan lagi, oleh ramai pihak. Ini dapat dilihat pada beberapa acara rasmi/formal kenegaraan/nasional dalaman, yang dikendalikan sepenuhnya dalam bahasa (bahasa-bahasa lain), dan yang tidak pun menggunakan bahasa Melayu, dalam kapasitinya sebagai bahasa rasmi negara.

Proton didapati menggunakan bahasa Inggeris, berdasarkan ucapan-ucapan kepimpinannya yang disampaikan, sewaktu pelancaran beberapa jenis model kereta nasional mulai 2006.

Akibat kekeliruan linguistik ini, bahasa Inggeris dianggap dan diyakini sebagai bahasa yang benar-benar fungsional dan/atau satu-satunya bahasa yang bersinonim dengan pembangunan ekonomi/negara, kemajuan teknologi, serta kemodenan dan kompetensi, khususnya dalam dunia globalisasi. Bahasa Inggeris juga dianggap dan diyakini sebagai bahasa yang paling cekap untuk pengurusan perdagangan dan perhubungan masa kini [(dalam dunia globalisasi, khususnya dalam bidang ekonomi politik (*political economy*)]. Dan bahasa Inggeris juga dianggap dan diyakini sebagai satu-satunya bahasa dalam dunia globalisasi, yang boleh menjadikan sesebuah negara itu, benar-benar global/antarabangsa.

Sesungguhnya, semua ini tidak benar. Bahasa Melayu, setelah dibangunkan dari segi status dan korpusnya, memiliki segala ciri dan upaya, untuk mengungkap dan mengendalikan komunikasi “moden” dalam dunia komunikasi, dengan baik dan berkesan. Komunikasi moden yang dimaksudkan, meliputi antaranya teknologi tinggi dalam bidang pengeluaran, seperti elektronik mikro, penerbangan, perusahaan automatif, bioteknologi, serta teknologi maklumat dan komunikasi, seperti pembangunan perisian dan pemrograman pengkomputeran.

Sehubungan dengan ini, sesungguhnya bahasa Melayu mempunyai setiap upaya untuk mengungkap dan mengendalikan komunikasi moden ini, dan daya itu adalah sama kuat dengan setiap upaya yang ada pada bahasa-bahasa besar/major yang lain, termasuk bahasa Inggeris. Ini antaranya adalah kerana bahasa Melayu dibina dengan rapi, dari segi status dan korpus, mengikut lunas-lunas ilmiah dalam ilmu perancangan bahasa (*language planning*).

## Keupayaan Bahasa Melayu

Bahasa Melayu mula dibangunkan dari segi status dan korpusnya setahun sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. Pada tahun itu juga, yakni 1956, Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan oleh kerajaan selaku agensi pembangunan bahasa Melayu, khususnya untuk menjadikan bahasa Melayu wahana komunikasi moden yang mangkus.

Bahasa Melayu bukan sahaja dibangunkan untuk digunakan dalam bidang pentadbiran negara dalam kapasitinya sebagai bahasa rasmi, malah memupuk bahasa Melayu dalam kapasitinya sebagai bahasa kebangsaan. Sehubungan dengan ini, bahasa Melayu merupakan simbolisme politik yang boleh menyatupadukan rakyat pelbagai kaum, selain merupakan identiti negara yang baru merdeka. Sehubungan dengan ini, bahasa Melayu juga dibangunkan sebagai bahasa pengantar ilmu, seperti yang diasaskan oleh Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Pembangunan bahasa Melayu sebagai bahasa moden, yakni bahasa yang mampu mengungkapkan segala macam hal, baik yang maujud mahupun mujarad, dalam apa-apa jua bidang ilmu/disiplin – untuk mengisi pembangunan negara, telah dilakukan secara terencana melalui perancangan korpus bahasa Melayu, khususnya dalam bidang pendidikan, untuk aspek-aspek ejaan/tulisan, kosa kata umum, istilah, sebutan, dan tatabahasa (lihat Asmah Haji Omar, 1978 & 1979; Abdullah Hassan 1987a dan 1987b).

Usaha mengemas sistem ejaan/tulisan, khususnya yang rumi, selaku ejaan/tulisan rasmi, yang didapati tidak selaras sebelum itu, berjaya dilaksanakan pada 1972, dengan terlancarnya “Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia” di Malaysia, dan “Pedoman Ejaan yang Disempurnakan” di Indonesia, secara serentak di Kuala Lumpur dan di Jakarta pada 16 Ogos 1972. Sistem ejaan/tulisan Rumi ini ikut digunakan di Singapura dan Negara Brunei Darussalam serta puluhan negara lain di seluruh dunia yang menganggotai Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM), yang sekretariatnya adalah Malaysia, dalam usaha mengajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua/asing.

Tindakan mendokumentasikan khazanah kosa kata bahasa Melayu secara terancang bermula pada 1960-an oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kamus ekabahasa keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka yang pertama, iaitu *Kamus Dewan* yang memuatkan sekitar 30 000 entri diterbitkan pada 1970. Kamus ini sudah diperkemas sebanyak empat kali pada (a) 1984 dengan penambahan sekitar 900 entri, (b) 1989 dengan penambahan

TEO KOK SEONG

sekitar 2000 entri, (c) 1994 dengan penambahan sekitar 6000 entri, dan (d) 2003 (2004) dengan penambahan sekitar 5000 entri lagi.

Penyusunan kamus dwibahasa bahasa Melayu juga diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, dan antaranya meliputi bahasa-bahasa Inggeris dan Perancis. Selain ini, kamus-kamus istilah juga diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, selaku badan pengembangan bahasa Melayu yang ulung di Malaysia.

Selain kegiatan leksikografi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, sebanyak tidak kurang daripada 552 judul/buah kamus telah diusahakan oleh pelbagai penerbit di negara ini (Awang Sariyan, 2002: 7). Sudah pasti jumlah ini meningkat pada tahun-tahun yang berikutnya, yakni selepas 2002.

Usaha penggubalan istilah bermula sebaik sahaja bahasa Melayu dijadikan bahasa ilmu. Sehingga ini, tidak kurang daripada satu juta istilah telah digubal untuk ratusan bidang ilmu, baik yang bersifat sains asas, sains gunaan, sains kemasyarakatan, mahupun bidang-bidang ilmu moden seperti sains angkasa lepas, kejuruteraan penerbangan, kejuruteraan kereta, elektronik mikro, bioteknologi, dan teknologi maklumat.

Tindakan menyusun nahu bahasa Melayu ke arah pembakuan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang lebih sempurna dilakukan dengan terbitnya *Tatabahasa Dewan Jilid 1* pada 1986 dan *Tatabahasa Dewan Jilid II* pada 1989, serta *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* pada 1993.

Usaha menyelaraskan sebutan bahasa Melayu mula dibincang dan dirumuskan dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga pada 1956 di Johor dan Singapura. Kongres itu merumuskan ketetapan bahawa sebutan baku untuk bahasa Melayu haruslah berdasarkan sebutan fonemik bahasa Melayu, iaitu sebutan yang berasaskan sistem ejaan bahasa Melayu.

Pada 1984, Dewan Bahasa dan Pustaka mula merumuskan sebutan baku yang berpegang kepada prinsip pengucapan yang menegaskan lafaz sesuatu bunyi bahasa Melayu, yang harus mengikuti nilai bunyi bahasa tersebut, seperti yang dilambangkan oleh fonemnya dalam sistem fonologi bahasa Melayu.

Penyempurnaan sistem ejaan/tulisan, penyusunan kamus, penggubalan istilah, penyelarasan sebutan serta penyusunan nahu untuk tujuan pembakuan bukan semata-mata merupakan usaha kodifikasi bahasa Melayu, tetapi juga tindakan pengembangan bahasa Melayu sebagai bahasa moden untuk mengungkapkan komunikasi moden.

Modal linguistik yang agam pada bahasa Melayu, perlu terus

digembleng untuk memacu pembangunan ekonomi/negara (Malaysia), seperti yang terjadi sebelum wujudnya dunia globalisasi, dan lebih-lebih lagi semenjak lima dasawarsa dahulu, iaitu pada tahun 1956. Selain korpus bahasa Melayu yang mempunyai keintelektualan linguistik sebagai modal linguistik bahasa Melayu, ia juga perlu dilihat dari segi kekuasaan bahasa Melayu, lebih-lebih lagi dalam konteks imperialisme bahasa (Teo Kok Seong, 1999: 25–33; lihat Phillipson, 1992), yang sebelum 2003, dapat ditinjau dengan mantap sekali dari pelbagai segi, seperti:

- (a) struktur yang ada pada bahasa Melayu – yang antaranya boleh dilihat pada keabsahannya di sisi undang-undang pada Perkara 152 Perlembagaan Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia, serta legitimasinya sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan nasional;
- (b) ideologi tentang bahasa Melayu – yang antara lain merangkumi sikap positif yang diperlihatkan secara umum tentang keyakinan terhadap bahasa Melayu daripada rakyat jelata. Di samping itu, rakyat secara umumnya mempunyai nilai tinggi dan iktikad positif, yang dipamerkan melalui penguasaan bahasa Melayu yang baik, sebagai ekoran daripada kejayaan sistem pendidikan kebangsaan; dan
- (c) tindakan terhadap bahasa Melayu – yang antaranya meliputi (i) penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai agensi kerajaan yang dipertanggungjawab untuk mengembangkan bahasa Melayu, (ii) penubuhan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) pada 1972 untuk penyelarasan perkembangan bahasa Melayu secara serantau, terutamanya dalam bidang peristilahan, (iii) penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1970 untuk merealisasikan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan tinggi, (iv) serta perancangan korpus bahasa Melayu untuk tujuan pemantapan dan peluasan bahasa Melayu yang melibatkan pengemasan sistem ejaan/tulisan, kosa kata, pendokumentasian, penggubalan istilah, penyelarasan sebutan dan pembakuan nahu dalam usaha, bukan sahaja menjadikan bahasa Melayu lebih mangkus, tetapi juga untuk menjadikan bahasa Melayu sebuah bahasa moden.

Dari segi struktur, ideologi, dan tindakan, bahasa Melayu berinstitusi, yakni mempunyai kuasa, pengaruh, dan wibawa, di samping mendapat kepercayaan daripada semua golongan dan lapisan rakyat, dan ditegaskan peranan dan kepentingannya, melalui pelbagai peristiwa negara agar ia sentiasa mulia dan agung.

Dalam kerangka teori kuasa (Phillipson, 1992: 271), kekuasaan bahasa Melayu boleh ditinjau daripada tiga aspek: (a) kemampuan, (b) kekayaan, dan (c) kegunaan. Dalam konteks kemampuan, melalui bilangan buku teks, kamus, rujukan nahu, karya sastera, sarjana, guru, dan banyak lagi yang tidak kecil jumlahnya, bahasa Melayu merupakan wahana untuk perkembangan dan pembentukan tradisi dan tamadun.

Dari segi kekayaan, khazanah ilmu dalam bahasa Melayu, meliputi antaranya politik, sosial, budaya, ekonomi, pendidikan, seni, moral, agama, falsafah, pertanian dan puluhan yang lain. Ilmu serta pengalaman ini diungkapkan dalam kitab-kitab lama, karya-karya sastera, dan hasil-hasil persuratan yang lain pada masa dahulu, serta sedang dan akan terus diungkapkan dalam ribuan buku, jurnal, majalah, dan pelbagai bentuk penerbitan yang lain, baik secara asal ataupun terjemahan.

Kegunaan bahasa Melayu boleh ditinjau dalam konteks sebagai bahasa terpenting di Malaysia, dalam konteks sebagai bahasa pentadbiran, bahasa ilmu untuk sains asas, sains gunaan dan sains kemasyarakatan, media massa (khususnya televisyen), bahasa tambahan dan sokongan kepada golongan bukan Melayu, dan bahasa perhubungan antara pelbagai kaum di Malaysia. Selain itu, bahasa Melayu memberikan jati diri kebangsaan kepada Malaysia sebagai sebuah kuasa yang berdaulat (Teo Kok Seong, 2004: 240–259).

Dalam peranan kegunaan yang sedemikian, bahasa Melayu tidak dapat dinafikan lagi sebagai bahasa yang paling fungsional di Malaysia. Secara teorinya yang berasaskan fungsi-fungsi yang didukung oleh bahasa Melayu, kealpaan terhadap bahasa Melayu boleh membawa kepada keadaan kehilangan peluang dan keuntungan dalam kalangan mereka yang tidak mengetahui, menguasai, dan menggunakannya.

Aspek-aspek modal linguistik bahasa Melayu ini serta yang lain-lain, sesungguhnya merupakan kekuatan dalam soal kemartabatan bahasa Melayu, dan kedaulatan bangsa Malaysia serta negara Malaysia itu sendiri. Ini adalah kerana bahasa Melayu, dalam beberapa kerangka pemahaman seperti (a) linguistik – yang merupakan akal kepada pengucapan ilmu, (b) sosiolinguistik – maruah dan identiti negara, (c) psikolinguistik – pemikiran bangsa Malaysia, (d) sosiologi – integrasi nasional, (e) antropologi – peradaban Malaysia, (f) sejarah – kegemilangan bangsa Malaysia, (g) sains – daya fikir kreativiti dan inventif bangsa Malaysia, dan (h) matematik – penaakulan logikal bangsa Malaysia.

### **Kesan Peralihan Bahasa**

Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ilmu untuk pendidikan sains dan teknologi, sesungguhnya boleh membawa kepada transformasi (perubahan) politik, sosial, dan budaya di Malaysia. Pertimbangan politik untuk beralih daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris, untuk pengajaran dan pembelajaran dua subjek: sains dan matematik, melalui nasionalisme baharu mulai 2003, yang mementingkan penggunaan bahasa Inggeris, pada kadar yang lebih besar, tidak dapat dinafikan mempunyai kesan besar dalam sistem sosial dan budaya Malaysia.

Seperti yang disebut pada bahagian awal tulisan ini, pertentangan nilai antara bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu utama, pada satu masa dahulu, dengan bahasa Inggeris yang mula/baru bertindak sebagai bahasa pengantar bersama/lebih penting, pada masa kini, dari segi sosial dan budaya, boleh menghakis/memusnahkan khazanah budaya yang terkandung dalam bahasa Melayu.

Sesungguhnya, khazanah budaya inilah yang merupakan biang (yakni pati dan induk) kepada bangsa atau masyarakat Melayu, yang dimanifestasikan melalui beberapa bentuk/corak, yang terpenting ialah jati diri. Transmisi/penyaluran daripada satu generasi kepada yang lain, sudah tentu boleh memastikan bukan sahaja khazanah budaya Melayu, terus diwarisi dalam bentuk utuh, tetapi jati diri Melayu yang tidak rekah/terhakis, dapat juga terus dipertahankan.

Penggunaan bahasa Melayu dalam kegiatan budaya tinggi, sebagai contoh dalam bidang pendidikan, misalnya untuk pengajaran dan pembelajaran sains dan teknologi, adalah penting, khususnya dari segi demografi, yang diteliti dari tahap kegiatan kebahasaan yang terlibat. Bahasa Melayu yang digunakan dengan cara begini, yakni dalam kegiatan-kegiatan tertier dan kuaterner, sudah tentu berjaya menikmati lebih banyak jaringan dan pengaruh komunikasi, selain kualiti komunikasi yang lebih baik dan luas pula, daripada penggunaannya dalam kegiatan budaya rendah, seperti membeli ikan di pasar dan/atau menghitung durian di kebun (Teo Kok Seong, 2007b: 108–109).

Penggunaan bahasa Melayu untuk komunikasi dalam dunia globalisasi, yakni dalam kegiatan-kegiatan tertier dan kuaterner, bukan sahaja dapat memperluas jaringan dan pengaruh, serta mempertingkatkan kualiti bahasa Melayu, dari dimensi komunikasi, tetapi yang lebih penting dalam dunia globalisasi, yang banyak memperlihatkan kemusnahan/kepuasan jati diri sesuatu bangsa atau masyarakat itu, ialah bahasa Melayu sebenarnya dapat

menjamin penerusan jati diri bangsa atau masyarakat Melayu.

Ini antaranya adalah kerana bahasa Melayu itu secara indeksinya, dikaitkan dengan objek-objek khas/khusus Melayu, sistem nilai, aspirasi, hubungan kekeluargaan, flora dan fauna, dan segala macam yang lain, yang dikenali oleh bangsa atau masyarakat Melayu, dan diidentifikasi dengan bangsa atau masyarakat Melayu sahaja. Sesungguhnya kesemua ini membentuk tradisi, warisan, dan peradaban yang bersifat distingtif Melayu.

Pertalian antara bahasa Melayu dengan budaya Melayu (Malaysia), dalam bentuk-bentuk amalan sosial, keunikan dan keaslian cara hidup sejati bangsa atau masyarakat Melayu, adalah antara ciri kehidupan yang boleh musnah/pupus, apabila bangsa atau masyarakat Melayu kehilangan bahasa Melayu, dan mengambil bahasa baharu/lain sebagai penggantinya. Apabila ini berlaku, bangsa atau masyarakat Melayu boleh menjadi sebuah kelompok yang tidak mempunyai arah dari segi linguistik, untuk satu atau dua (atau beberapa) generasi, yakni mereka kurang pasti tentang bahasa mana yang perlu digunakan dan/atau bahasa mana yang lebih penting.

Untuk tempoh satu atau dua (beberapa) generasi ini, pertalian unik dan sejati antara bahasa Melayu dengan budaya Melayu, yang wujud semenjak dahulu/semenjak sekian lamanya, boleh menjadi terhakis sehingga hilang/pupus langsung akhirnya. Apabila ini berlaku, budaya Melayu akan menjadi satu cara hidup/kehidupan yang sudah berubah. Cara hidup yang sudah berubah ini, akibat penggantian bahasa Melayu dengan bahasa baharu/lain, misalnya bahasa Inggeris, tidak lagi memungkinan bangsa atau masyarakat Melayu, menikmati keunikan dan keaslian cara hidup yang asal itu, buat selama-lamanya, yang berlatarkan konteks sosial dan budaya yang asal itu.

Sehubungan dengan ini, bahasa Melayu juga tidak dapat dinafikan sebagai simbol kepada bangsa atau masyarakat Melayu, semenjak sekian lamanya. Di dalam bahasa Melayu, sesungguhnya tersimpan catatan sejarah, nukilan persuratan, cerita pahlawan serta pejuang, asuhan puluhan generasi nenek moyang, kisah lampau serta aspirasi untuk masa muka, bangsa atau masyarakat Melayu. Semua ini boleh hilang apabila bangsa atau masyarakat Melayu kehilangan kaitan simbolik yang semula jadi lagi segera ini, dengan sejarah dan masa lampau, serta pencapaian dan kemajuan bangsa atau masyarakat Melayu. Dengan perkataan lain yang mudah, identiti/jati diri Melayu boleh berubah buat selama-lamanya, kalaupun tidak terhakis sepenuhnya/hilang terus.

Bahasa Inggeris yang menggantikan bahasa Melayu, dalam komunikasi dunia globalisasi, boleh pasti dalam satu atau dua (beberapa) generasi, berjaya

membentuk pertalian baharu antara bahasa Inggeris dengan budaya Melayu. Dan apabila ini berlaku, pertalian bahasa Inggeris – budaya Melayu ini didapati tidak sesimbolik (dan memang tidak boleh pun sesimbolik) pertalian bahasa Melayu – budaya Melayu, yang terhakis/hilang itu. Dan lebih penting lagi ialah pertalian baharu ini tidak boleh dijadikan/janggal sekali menjadi kekuatan kepada identiti/jati diri bangsa atau masyarakat Melayu.

Inilah akibatnya sekiranya bangsa atau masyarakat Melayu kehilangan bahasa Melayu, melalui apa-apa cara jua, sama ada bahasa Melayu “Rojak” ataupun peralihan bahasa, yang menggunakan bahasa Inggeris untuk menggantikan bahasa Melayu, selaku bahasa pengantar ilmu, untuk pendidikan sains dan matematik. Dan kehilangan bahasa Melayu sesungguhnya adalah kehilangan sebahagian besar budaya bangsa atau masyarakat Melayu, dengan segala khazanah budayanya!

Sehubungan dengan ini, bangsa atau masyarakat bukan Melayu juga perlu ikut memastikan bahawa bahasa Melayu, khususnya dalam kapasitinya sebagai bahasa negara, yakni bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, tidak musnah/hilang. Bangsa atau masyarakat bukan Melayu tidak boleh membiarkan bahasa Melayu musnah/hilang, walaupun ia bukannya bahasa etnik mereka. Ini antaranya adalah kerana Malaysia yang lokos dengan kemusnahan budaya Melayu (yang merupakan budaya dominan di Malaysia, akibat kedominanan bangsa atau masyarakat Melayu selaku kelompok majoriti) adalah persekitaran yang tidak boleh menguntungkan sesiapa pun.

Tidak dapat dinafikan bahawa banyak daripada pelbagai hal menarik dan menyeronokkan dalam kehidupan rakyat Malaysia (tanpa mengira bangsa), didapati terletak di dalam (a) bahasa Melayu, selaku bahasa negara, (b) jati diri bangsa Melayu sebagai kelompok dominan, dan (c) budaya Melayu selaku teras kebudayaan kebangsaan. Dan apabila bahasa Melayu musnah/hilang dan akhirnya pupus, semua rakyat Malaysia akan kehilangan pelbagai keenakan dan keseronokan itu, antara bahasa Melayu pasar, pantun Melayu, peribahasa Melayu dan segala macam ... Melayu yang lain!

## KESIMPULAN

Berasaskan modal linguistik (dari segi status dan korpus) yang dimiliki oleh bahasa Melayu, ia sebenarnya mampu sekali menjadi wahana komunikasi dalam dunia globalisasi, selain menjadi wahana budaya dan tamadun moden, yang tidak seharusnya berpaksikan sains dan teknologi sahaja, tetapi perlu diimbangi dengan pendidikan sains kemasyarakatan, bagi



TEO KOK SEONG

Malaysia. Lebih-lebih lagi dalam konteks pembangunan dan kemajuan Malaysia yang berasaskan acuan sendiri, bahasa Melayu perlu dilibatkan pada kadar yang penuh.

Bahasa, dan dalam kes ini bahasa Melayu, bukan sekali-kali sistem bebas atau entiti yang abstrak. Seperti yang diperlihatkan dalam tulisan ini, ia sesuatu yang konkrit, yakni bahasa Melayu ialah hasil daripada sejarah perkembangan bangsa atau masyarakat Melayu, semenjak sekian lamanya, dan digunakan oleh bangsa atau masyarakat Melayu, untuk mengungkap serta menyebarkan/menyalurkan identiti/jati diri Melayu dan khazanah budaya Melayu, selain menyampaikan pemikiran Melayu.

Dalam konteks ini, bahasa Melayu bukan sahaja merupakan realiti sosial kepada bangsa atau masyarakat Melayu, tetapi yang lebih penting lagi, ia juga merupakan realiti yang boleh menghubungkan bangsa atau masyarakat Melayu, dengan emosi, aspirasi dan nilai dan segala macam .... Melayu yang lain.

Sehubungan dengan ini, kemusnahan/kehilangan bahasa Melayu boleh menyebabkan kepupusan, yakni lenyap buat selama-lamanya, hubungan/jambatan yang paling langsung dan penting dalam hal ini, dengan warisan Melayu pada masa lampau. Bukan sahaja banyak kenangan dan ilmu/pengetahuan boleh ikut musnah/hilang, tetapi ia ikut menyebabkan kehilangan kebolehan menggunakan bahasa Melayu, yang boleh mencerminkan sistem linguistiknya yang utuh, selain mencerminkan pelbagai orientasi budaya Melayu, melalui penggunaan pelbagai kategori nahu dan leksikonnya.

Dalam konteks ini, tidak ada bahasa lain yang boleh mengungkap dan mengendalikan hal-hal Melayu dengan baik dan berkesan, kecuali bahasa Melayu itu sendiri!

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1987a. *Isu-isu Perancangan Bahasa: Pengintelektualan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan, 1987b. *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1978. *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khas kepada Perancangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1979. *Language planning for Unity and Efficiency*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Awang Sariyan, 2002. *Ceritera tentang Kejayaan Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Persatuan Linguistik Malaysia.

## BAHASA MELAYU DAN KOMUNIKASI DALAM DUNIA GLOBALISASI

- Phillipson, R., 1992. *Linguistic Imperialism*. Oxford: Oxford University Press.
- Rahmah Ismail, 2000. “Kemajuan Ekonomi dan Pembangunan” dlm. Nor Aini Haji Idris dan Ab. Razak Dan (ed.), *Teori Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi*, hlm. 125 – 145. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teo Kok Seong, “Kedominanan Bahasa Melayu di Malaysia” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 43:1, hlm. 25 – 33, 1999.
- Teo Kok Seong, 2004. “Bahasa Melayu dalam Era Globalisasi: Isu Identiti” dlm. Awang Sariyan (ed.), *Sumbangsih: Kumpulan Esei Mengenang Jasa ASRAF*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teo Kok Seong, 2006a. “Identiti Budaya Bahasa Melayu” dlm. *Dewan Bahasa* 6:6, hlm. 6 – 9, 2006.
- Teo Kok Seong, 2006b. “Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi: Dua Konsep yang Berbeza” dlm. *Dewan Bahasa* 6:9, hlm. 20 – 23, 2006.
- Teo Kok Seong, 2006c. “Kerancuan dalam Bahasa Melayu”: dlm. *Jurnal Bahasa*, 6:4, hlm. 697 – 712, 2006.
- Teo Kok Seong, 2007a. “Bahasa Melayu dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia: Aset atau Liabiliti?” dlm. *Jurnal Persatuan Linguistik (Malaysia)* Jilid 8, 2007.
- Teo Kok Seong, 2007b. *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.
- Teo Kok Seong, 2007c. “Hari-hari Terakhir Bahasa Melayu: Persoalan Hayatnya sebagai Bahasa Cemerlang, Gemilang, Terbilang?” dlm. Zaharani Ahmad dan Noraziah Ali (ed.), *Bahasa Melayu Wahana Pembangunan Negara*, hlm. 101 – 119. Bangi: Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa (PUSPA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teo Kok Seong, 2007d. “Ideologi Linguistik dan Bahasa Melayu dalam Era Globalisasi: Solidariti Kebahasaan Malaysia-Indonesia” dlm. Armida S. Alisjahbana, Ramdan Panigoro dan Parikesit (ed.), hlm. 497 – 502. *Indonesia dan Malaysia dalam Era Globalisasi: Mewujudkan Kemakmuran Bersama. Buku 2: Isu dan Permasalahan Politik, Hukum dan Budaya*. Bandung & Bangi: Universitas Padjadjaran & Universiti Kebangsaan Malaysia.